

ORIGINAL ARTICLE

ISU DAN MASALAH PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN MENGENALI AKSARA CINA DI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA KUCHING

ISSUES AND PROBLEMS IN LEARNING AND TEACHING CHINESE CHARACTERS AT CHINESE VERNACULAR PRIMARY SCHOOLS KUCHING

Yap Chin Huat ^{*1}, Ngor Guat Peng ²

¹ Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: huat008@gmail.com

² Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: gpngoi@fbk.upsi.edu.my

*Corensponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/95>

Abstract

This report is part of a study on the development of Chinese character recognition modules. This report focus in the issues and problems in the learning and teaching of Chinese characters among Chinese students and teachers in Chinese vernacular primary schools, Kuching. The purposive sampling is conducted in the selection of seven first-level Chinese language teachers. Data collected using a semi-structured interview and analyzed using keyword thematic techniques. Some of the identified issues in relation to student's learning are: (1) Unable to recognize the form of characters and meaning of Chinese characters effectively, and (2) Unable to write Chinese characters correctly. While the issues generated in relation to teacher's teaching are: (1) No emphasis in recognizing and acquisition of the Chinese characters during learning and teaching, and (2) Lack of awareness of the teaching approaches according to the characteristics of Chinese characters. The findings indicated that further studies related to the development of Chinese character recognition modules, reviews of Chinese characters learning in textbooks, the use of appropriate and effective methods to aquire Chinese characters are greatly needed to ensure the quality of the learning and teaching Chinese.

Keywords: Issues and problems, learning and teaching Chinese characters, first-level Chinese language teachers.

Abstrak

Laporan ini merupakan sebahagian daripada kajian pembangunan modul mengenali aksara Cina. Laporan bertujuan untuk mengenal pasti isu dan masalah dalam pembelajaran dan pemudahcaraan aksara Cina dalam kalangan murid dan guru bahasa Cina di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, Kuching. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam pemilihan tujuh orang guru yang mengajar bahasa Cina tahap satu. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual separa struktur dan dianalisis dengan menggunakan teknik tematik yang berlandaskan kata kunci. Dapatkan kajian dikaji berdasarkan aspek pembelajaran murid dan pemudahcaraan guru. Antara isu dan masalah yang dikenalpasti berkaitan dengan pembelajaran murid ialah: (1) Tidak dapat menguasai aksara Cina dengan berkesan, dan (2) Tidak dapat menulis aksara Cina dengan tepat. Disamping itu, isu dan masalah yang berkaitan dengan pemudahcaraan guru ialah: (1) Kurang mengutamakan pemudahcaraan aksara Cina dalam pelaksanaan PdPC, dan (2) Pemudahcaraan yang diaplikasikan tidak mengikuti ciri-ciri aksara Cina. Kajian lanjutan berkaitan dengan pembangunan modul mengenali aksara Cina, aturan pembelajaran aksara Cina dalam buku teks secara sistematik dan saintifik, kesedaran mengutamakan fokus PdPC mengenali aksara Cina, penggunaan kaedah yang bersesuaian dengan ciri-ciri aksara Cina sangat diperlukan tetapi kurang mendapat perhatian daripada para penyelidik dan ahli akademik. Maka adalah wajar untuk menabur tenaga kajian dalam bidang mengenali aksara bahasa Cina demi kepentingan kemahiran ini dalam pembelajaran Bahasa Cina khasnya dalam aspek kemahiran membaca dan menulis serta mengarang. Kesedaran dan ilmu berkaitan dengan perkembangan dan ciri-ciri aksara perlu dipupuk dalam kalangan para pendidik bahasa Cina untuk meningkatkan kualiti keseluruhan PdPC bahasa Cina.

Kata kunci: Isu dan masalah, pembelajaran dan pemudahcaraan, aksara Cina, tahap satu.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 27th May 2020, revised 21th June 2020, accepted 5th July 2020

Pengenalan

Menurut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Rendah(KSSR) Semakan bagi mata pelajaran bahasa Cina tahun satu di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, Akta Pendidikan 1996 jelas menyatakan bahawa mata pelajaran bahasa Cina bukan semata-mata satu mata pelajaran di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, di samping itu juga merupakan bahasa pengantar bagi mata pelajaran yang lain. Murid yang menuntut di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina harus menguasai bahasa Cina bagi membolehkan mereka mempelajari mata pelajaran yang lain dengan berkesan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015)¹. Justeru, mata pelajaran merupakan mata pelajaran yang sangat penting dan harus dikuasai oleh murid sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Tanpa adanya asas yang kukuh dalam mata pelajaran bahasa Cina, maka pembelajaran murid tidak akan berkesan bagi mata pelajaran bahasa Cina itu sendiri mahupun mata pelajaran yang lain.

Peringkat tahun satu dan dua merupakan waktu keemasan untuk mengenali aksara Cina. Dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) seharusnya membantu murid menguasai jumlah aksara Cina yang banyak supaya dapat menguasai kemahiran membaca. Merujuk kepada DSKP Bahasa Cina Semakan 2017 Tahun Satu, murid dikehendaki menguasai sebanyak 558 aksara Cina. Mengikut DSKP, pembelajaran bahasa Cina bermula dengan mengenali aksara Cina (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015)¹. Kenyataan ini disokong oleh kajian Niu Xiu Hong dan Liu Tie Fu (2014)² yang menyatakan fokus utama PdPC murid sekolah rendah tahap satu ialah mengenali aksara Cina. Tian Ben Na (2006)³, juga berpendapat bahawa “asas pendidikan sekolah rendah ialah pendidikan Bahasa Cina. Asas pendidikan Bahasa Cina sekolah rendah ialah mengenali aksara Cina” (p. 63). Kenyataan ini selari dengan kenyataan Standard Kurikulum Bahasa di negara China bahawa “Pembelajaran aksara Cina merupakan asas kepada aktiviti membaca dan menulis, juga merupakan fokus PdPC tahun satu dan dua”(Liu Meng, 2017, p. 4)⁴. Sun Cong (2012)⁵ menyatakan PdPC mengenali aksara Cina merupakan fokus utama pendidikan kanak-kanak tahap satu sekolah rendah. Sun menyatakan PdPC mengenali aksara Cina merupakan asas kepada aktiviti membaca dan menulis, asas kepada kanak-kanak mengenali dunia dan membentuk pengalaman. Niu Xiu Hong dan Liu Tie Fu (2014)² juga menyatakan fokus utama PdPC murid sekolah rendah tahap satu ialah mengenali aksara Cina. Tian Ben Na (1990, p. 29)⁶ menyatakan bahawa “Pendidikan bahasa Cina tahap satu sekolah rendah mengutamakan PdPC mengenali aksara Cina”.

Masalah Pembelajaran dan Pemudahcaraan Aksara Bahasa Cina

Menurut Lui Lep Ming (2016)⁷, mengenali aksara Cina merupakan salah satu masalah utama dalam PdPC bahasa Cina di negara kita. Lui mendapati bahawa guru pada lazimnya tidak memandang serius walaupun dokumen standard kurikulum KSSR telah menerangkan dengan jelasnya bahawa “mengenali aksara Cina merupakan asas kepada penguasaan kemahiran membaca dan juga merupakan fokus utama pada PdPC bahasa Cina di peringkat sekolah rendah” (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015, p. 4)¹. Penekanan “perbanyakkan aktiviti mengenali askara Cina daripada aktiviti menulis” (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015, p. 8)¹ merupakan saranan kurikulum KSSR tetapi guru-guru kurang memahami konsep berkaitan. Hakikatnya hasil pembelajaran mengenali aksara Cina masih tidak dapat dicapai. Tidak dapat dinafikan mengenali aksara Cina merupakan komponen pembelajaran yang penting pada PdPC bahasa Cina sekolah rendah tahap satu, tetapi ia sukar dikuasai oleh murid dalam PdPC dan guru-guru bahasa Cina masih dalam peringkat penerokaan dan mempunyai konsep yang kabur tentang pengajaran aksara walaupun kurikulum KSSR telah dilaksanakan selama dua tahun (Wang Yi Jie, 2013)⁸.

Menurut Su Wen (2017)⁹, PdPC mengenali aksara Cina di sekolah rendah kurang menyenangkan. Dalam kajian Su, dapatan kajiannya menunjukkan bahawa bilangan aksara Cina yang kerap digunakan di antara 1600 hingga 2000 dan bilangan aksara Cina yang harus dikuasai murid di antara 800 hingga 1000. Tetapi hanya 25% murid dapat mengenali bilangan aksara Cina yang kerap digunakan dan hanya 30% murid dapat menguasai bilangan aksara Cina yang harus dikuasai. Terdapat 45% murid tidak berasa dia mengenali bilangan aksara Cina yang kerap digunakan. Keadaan ini amat membimbangkan, justeru guru harus menambahbaik amalan PdPC mengenali aksara Cina supaya dapat meningkatkan kemahiran mengenali aksara Cina murid.

Tambahan lagi, menurut kajian Ma Die dan Zhang Chen Rui (2018)¹⁰, terdapat pelbagai masalah dalam aktiviti PdPC mengenali aksara Cina. Antaranya ialah pengabaian aktiviti mengenali makna aksara Cina, tidak mengaplikasikan kepelbagaian kaedah dalam PdPC

mengenali aksara Cina dan kurang bimbingan tentang penulisan aksara semasa PdPC di dalam kelas. Menurut mereka, punca-punca timbulnya masalah tersebut disebabkan oleh tahap penguasaan dalam bidang aksara Cina yang kurang mencukupi, mengabaikan ciri-ciri psikologi murid dalam proses pembelajaran serta kandungan PdPC kurang sesuai. Berasaskan kajian mereka, didapati guru hanya mengajar aksara Cina berdasarkan pengalaman mereka sahaja tanpa mendasari atas pembentukan aksara berkenaan. Tambahan lagi, susunan kandungan pembelajaran dan aktiviti PdPC mengenali aksara Cina yang tidak bersandarkan teori perkembangan kognitif murid menyukarkan murid dalam proses pembelajaran. Di samping itu, waktu untuk mengenali aksara Cina selalu termaktub di bawah aktiviti membaca yang diperuntukkan lima waktu sahaja, tetapi merangkumi aktiviti mengenali aksara Cina, mengenali kosa kata serta pelbagai gaya pembacaan. Jelas menampakkan tiada keseimbangan dari segi waktu yang diperuntukkan dengan aktiviti-aktiviti yang dirangkumi.

Menurut mereka juga, kaedah pengajaran sehalia yang lazim diaplikasikan oleh guru bahsa Cina khasnya semasa PdPC mengenali aksara Cina, iaitu guru hanya menerang tentang sebutan dan bentuk aksara manakala murid hanya mendengar dan mengingati, dan cuba menghafal sahaja. Selain itu, guru hanya mengutamakan jumlah aksara Cina yang diajari tanpa bimbingan penulisan aksara Cina dan penguasaan sebutan dan bentuk aksara yang diajari. PdPC mengenali aksara Cina lazimnya tidak menghubungkaitkan kehidupan seharian yang mungkin membantu murid dalam penguasaan maksud dan bentuk aksara yang dipelajari.

Metodologi Kajian

Objektif Dan Responden

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu dan masalah PdPC mengenali aksara Cina tahap satu di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Seramai tujuh orang guru bahasa Cina tahap satu telah dipilih sebagai responden dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan untuk mendapatkan data yang relevan dengan kajian ini.

Teknik Pengumpulan Dan Penganalisisan Data

Kaedah temu bual separa struktur dengan guru bahasa Cina tahap satu telah digunakan untuk memperolehi data yang diperlukan. Sebelum temu bual sebenar dijalankan, pengkaji telah membuat kajian rintis terhadap seorang guru bahasa Cina tahap satu yang mempunyai ciri yang sama dengan responden kajian sebenar untuk menguji kesesuaian soalan temu bual dan membuat penambahbaikan terhadap soalan temu bual berdasarkan maklum balas daripada guru berkenaan.

Data temu bual yang dikumpul ditranskripkan dalam bentuk tulisan dan disemak semula serta ditandatangani oleh responden sebagai pengesahan terhadap data yang diberikan. Seterusnya, data temu bual akan dikategorikan dan dianalisis dengan menggunakan teknik tematik yang berlandaskan kata kunci.

Dapatkan Kajian

Berdasarkan data temu bual dengan tujuh orang guru bahasa Cina tahap satu, isu pembelajaran murid dan pemudahcaraan guru yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

(i) Murid tidak dapat menguasai aksara Cina dengan berkesan

Data temu bual guru bahasa Cina menunjukkan bahawa murid tahap satu memang mempunyai masalah dalam mengenali aksara Cina dari segi penguasaan bentuk, sebutan dan makna kebanyakan aksara Cina yang dipelajari. Jadual 1.1 menunjukkan pandangan guru bahasa Cina tentang masalah pembelajaran aksara Cina dalam kalangan murid tahap satu. Berdasarkan pandangan guru bahasa Cina, antara masalah utama murid dalam mengenali aksara Cina adalah murid menghadapi kesukaran untuk menguasai sebutan, bentuk dan maksud aksara bahasa Cina, khasnya murid yang menggunakan bahasa Inggeris dengan ahli keluarga. Di samping itu, terdapat juga murid yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa komunikasi harian tidak menghadapi masalah menguasai sebutan aksara tetapi tidak dapat menguasai maksudnya. Selain itu, terdapat murid yang tidak dapat menguasai bentuk aksara Cina tertentu khasnya yang mempunyai strok yang banyak.

Jadual 1.1

Masalah penguasaan aksara Cina dalam kalangan murid tahap satu.

Guru	Kenyataan
A	“.....sukar untuk mengenali aksara Cinamurid yang berkomunikasi dengan bahasa Inggeris di rumah sukar untuk mengenali bentuk aksara Cina dan sebutan aksara Cina aksara Cina yang mempunyai banyak strok sukar dikuasai murid.....”
B	“..... penggunaan aksara Cina yang salah dalam penyampaian terutamanya aksara Cina yang mempunyai sebutan atau bentuk yang hampir serupa”
C	“..... tidak memahami makna aksara Cina berkenaan walaupun tahu sebutannya.....”
D	“.....kadang kala lupa makna aksara Cina..... lupa bentuk aksara Cina.....”
E	“..... lupa sebutan aksara Cina.....rasanya tidak tahu makna aksara Cina berkenaan juga, tidak tahu membaca macam mana nak tahu maknanya.....”
F	“.....menghadapi masalah dalam mengenali bentuk dan makna aksara Cina..... tidak memahami makna aksara yang sukar..... sebutan tidak mempunyai masalah kerana sering bertutur dalam kehidupan seharian mereka, mereka tahu membaca tetapi tidak tahu makna aksara berkenaan”
G	“.....mempunyai masalah dalam memahami makna aksara Cina dan penggunaan aksara Cina.....mengenali bentuk aksara Cina juga mempunyai masalah.....”

(ii) Murid tidak dapat menulis aksara Cina dengan tepat

Jadual 1.2 merupakan data temu bual dengan guru bahasa Cina tahap satu di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang mendapati murid tahap satu memang mempunyai masalah dalam menulis aksara Cina. Data menunjukkan bahawa murid tahap satu mempunyai masalah dalam menulis aksara Cina dari segi urutan dan struktur aksara Cina. Selain itu, murid juga bermasalah dalam menulis bentuk aksara Cina yang kompleks dan berlakunya aksara Cina disalah tulis atau disalah lafazkan.

Jadual 1.2

Masalah menulis aksara Cina dalam kalangan murid tahap satu.

Guru	Kenyataan
B	“.....nampak bentuk aksara Cina seolah-olah betul tetapi bila dilihat dengan teliti didapati urutan strok tidak betul”
C	“.....sering menulis aksara yang salah seperti urutan strok dan struktur aksara tidak betul”
D	“.....berlaku situasi aksara Cina disalah tulis atau disalah lafazkan”
F	“..... sukar untuk mengingati dan menulis bentuk aksara Cina terutamanya aksara yang kompleks”

Tema 3: Guru tidak mengutamakan pemudahcaraan aksara Cina

Daripada Jadual 1.3, kita dapat mengetahui bahawa guru bahasa Cina tahap satu di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina melaksanakan PdPC mengenali aksara Cina selari dengan PdPC membaca dan pemahaman teks atau lebih mengutamakan aktiviti membaca daripada mengenali aksara Cina. Guru lebih cenderung kepada mendahulukan pemahaman teks daripada mengenali aksara Cina dengan membimbang murid membaca lalu meminta murid membaca dalam kumpulan atau kelas secara serentak. Ada juga guru sambil memudahcara aksara Cina sambil memahami teks, ini mengakibatkan penekanan PdPC sama ada lebih kepada membimbang murid mengenali aksara Cina atau lebih kepada membimbang murid memahami teks. Penekanan guru dalam PdPC bahasa Cina tahap satu terpesong. PdPC bagi tahun satu dan dua haruslah fokus kepada mengenali aksara Cina dan bukannya membaca. Murid yang dapat mengenali bilangan aksara Cina berfrekuensi tinggi secukupnya sudah tentu tiada masalah dalam menguasai kemahiran membaca.

Jadual 1.3

Masalah guru tidak mengutamakan pemudahcaraan aksara Cina.

Guru	Kenyataan
B	“.....dua waktu pertama lebih menekankan pemahaman teks , waktu ketiga dan keempat digunakan untuk memahami teks secara mendalam kerana kemungkinan dua waktu pertama ada mengabaikan sesuatu. Sesi PdPC pertama lebih fokus kepada mengenali aksara Cina, biasanya PdPC mengenali aksara Cina berlangsung selari dengan pemahaman teks”
C	“.....penekanan pembacaan diutamakan , asalkan tahu membaca maka dapat mengenali aksara Cina, lama kelamaan akan tahu menulis.....”
E	“..... mendahulukan pemahaman teks lalu mengenali aksara Cina.....”
F	“..... sambil mengenali askara Cina sambil melaksanakan PdPC pemahaman teks”
G	“.....murid baca senyap dalam kumpulan di samping membulatkan aksara Cina yang tidak dikenali. Guru akan membimbang murid membaca dan menanya murid aksara yang tidak tahu membaca lalu mengulangi aksara berkenaan sekali lagi, seterusnya meminta murid dalam kelas membaca serentak lalu membaca dalam kumpulan. Dalam tempoh sejam hanya fokus kepada pembacaan , kelas pertama murid mesti tahu membaca baru dapat mengenali aksara Cina, mendahulukan pembacaan lalu beralih ke mengenali aksara Cina.....”

Tema 4: Pemudahcaraan guru tidak mengikut ciri-ciri aksara Cina

Data Jadual 1.4 menunjukkan guru bahasa Cina tahap satu tidak atau jarang-jarang melaksanakan PdPC mengenali aksara Cina mengikut ciri-ciri aksara Cina berkenaan, sebaliknya mengikut urutan aksara Cina berkenaan dalam teks atau petikan. Selain itu, guru juga tidak mengkategorikan aksara Cina mengikut enam kategori aksara Cina atau asas pembentukan aksara Cina.

Jadual 1.4

Masalah pemudahcaraan guru tidak mengikut ciri-ciri aksara Cina.

Guru	Kenyataan
A	“.....pemudahcaraan aksara Cina mengikut urutan aksara Cina dalam buku teks lalu beralih ke PdPC pemahaman teks, jarang-jarang mengkategorikan aksara Cina mengikut enam kategori aksara Cina.....”
B	“..... tidak mengkategorikan aksara Cina mengikut ciri-ciri kecuali buku teks ada menekankan.....”

-
- | | |
|---|--|
| D | “..... tidak mengkategorikan aksara Cina mengikut enam kategori aksara Cina, mengikut urutan dalam teks semata-mata.....” |
| E | “.....lebih kepada menerangkan sejarah perubahan aksara piktografi, jarang-jarang mengkategorikan aksara piktofonetik dan aksara terdiri daripada dua atau lebih unsur yang mempunyai makna masing-masing.....” |
-

Perbincangan Dan Kesimpulan

Dapatan kajian rintis ini berkenaan isu dan masalah yang dihadapi oleh pembelajaran murid dan pemudahcaraan guru telah diterjemahkan kepada empat tema. Daripada aspek pembelajaran murid dalam PdPC mengenali aksara Cina, data temu bual dengan guru yang mengajar bahasa Cina tahap satu mendapati bahawa murid tidak dapat menguasai aksara Cina dari segi bentuk, sebutan dan makna sesuatu aksara Cina yang dipelajari. Ekoran daripada tidak dapat menguasai aksara Cina yang dipelajari, murid juga tidak dapat menggunakan aksara Cina yang dipelajari dengan berkesan. Aksara Cina yang mempunyai banyak strok juga sukar dikuasai murid. Masalah murid tahap satu dalam pembelajaran bahasa Cina amnya, mengenali aksara Cina khasnya, harus dipandang serius. Kita dapat melihat betapa pentingnya status PdPC mengenali aksara Cina bagi pembelajaran murid yang berada pada tahap satu terutamanya murid yang menuntut di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina kerana bahasa Cina merupakan bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina kecuali bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris seperti mana yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996 bahawa mata pelajaran bahasa Cina bukan semata-mata satu mata pelajaran di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, di samping itu juga merupakan bahasa pengantar bagi mata pelajaran yang lain(Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015)¹. Maka, untuk meningkatkan kualiti keseluruhan bagi pembelajaran murid yang menuntut di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, penguasaan aksara Cina merupakan kunci kejayaannya. Ini selaras dengan pandangan Lui Lep Ming (2016)⁷ bahawa untuk meningkatkan kualiti mata pelajaran Bahasa Cina dan mata pelajaran yang lain di sekolah jenis kebangsaan Cina, penguasaan aksara Cina merupakan cara yang paling berkesan. Justeru guru harus memberi penekanan kepada PdPC mengenali aksara Cina pada pembelajaran murid tahap satu dan bukannya PdPC membaca.

Selain daripada masalah itu, murid juga menghadapi masalah dalam menulis aksara Cina dengan betul. Dapatan kajian menunjukkan murid tahap satu mempunyai masalah penulisan aksara Cina mengikut urutan strok yang betul dan struktur aksara cina juga tidak seimbang. Selain itu, murid juga bermasalah dalam menulis bentuk aksara Cina yang kompleks dan berlakunya aksara Cina disalah tulis atau disalah lafazkan. Justeru, guru harus membimbing murid membezakan bentuk aksara Cina yang hampir serupa atau aksara Cina yang menggelirukan murid kerana pada peringkat ini, murid lebih peka terhadap bentuk aksara Cina (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015)¹. Ekoran daripada murid tahap satu tidak dapat menguasai aksara Cina terutamanya dalam mengenali bentuk aksara Cina menyebabkan mereka juga tidak dapat menulis aksara Cina dengan betul. Dari sini kita dapat lihat pertalian di antara PdPC mengenali aksara Cina dengan aktiviti menulis begitu rapat sekali, tanpa penguasaan aksara Cina yang berkesan memberi impak yang negatif kepada penulisan murid. Oleh itu, guru harus memberi fokus utama dalam menyelesaikan masalah mengenali aksara Cina murid tahap satu supaya kualiti pembelajaran untuk aktiviti yang lain dapat ditingkatkan.

Dari aspek pemudahcaraan guru pula, didapati guru tidak mengutamakan pemudahcaraan aksara Cina, sebaliknya memberi tumpuan dalam PdPC pembacaan dan pemahaman teks. Penekanan guru dalam PdPC bahasa Cina tahap satu terpesong dan bertentangan dengan DSKP yang menyatakan bahawa fokus kurikulum tahun satu dan dua adalah mengenali aksara Cina kerana ia merupakan waktu keemasan murid mengenali aksara Cina, fokus PdPC menumpukan kepada membantu murid menguasai bilangan aksara Cina yang banyak supaya dapat menguasai kemahiran membaca dan memupuk minat untuk membaca (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015)¹. Kenyataan DSKP jelas menyatakan PdPC bagi tahun satu dan dua haruslah fokus kepada mengenali aksara Cina dan bukannya membaca. Murid yang dapat mengenali bilangan aksara Cina berfrekuensi tinggi secukupnya sudah tentu tiada masalah dalam menguasai kemahiran membaca. Kenyataan ini disokong oleh Wu Zhong Hao et al.(2009)¹¹ yang menyatakan mengenali aksara Cina merupakan asas kepada aktiviti membaca dan menulis. Peningkatan bilangan aksara Cina yang dikuasai memupuk minat murid untuk membaca di luar bilik darjah seterusnya meningkatkan kemahiran membaca dan menulis murid. Dong Zhao Jie (2006)¹² juga sependedapat bahawa PdPC membaca dan menulis adalah berasaskan PdPC mengenali aksara Cina. Jika murid telah mengumpul aksara yang mencukupi melalui PdPC mengenali aksara Cina untuk menyokong aktiviti membaca dan menulis, maka PdPC membaca dan menulis dapat dilaksanakan dengan berjaya, jika sebaliknya akan menghadapi masalah. Justeru, guru haruslah menyedari bahawa fokus PdPC bahasa Cina tahap satu bukannya membaca sebaliknya adalah mengenali aksara Cina. Pelaksanaan PdPC yang songsang, terpesong dan tidak berasas ini harus diperbetulkan secepat mungkin supaya pembelajaran murid tidak terganggu.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa pemudahcaraan guru tidak mengikut ciri-ciri aksara Cina berkenaan, sebaliknya mengikut urutan aksara Cina berkenaan dalam teks atau petikan. Selain itu, guru juga tidak mengkategorikan aksara Cina mengikut enam kategori aksara Cina atau asas pembentukan aksara Cina. Sebenarnya, ciri-ciri aksara Cina yang berlainan memerlukan kaedah pembelajaran yang bersesuaian dengannya supaya PdPC mengenali aksara Cina menjadi berkesan. Menurut Lu Bi Song(2006)¹³, pelaksanaan PdPC bahasa perlu menitikberatkan ciri-ciri bahasa yang diajar kerana ciri-ciri bahasa yang diajar termasuk titik kesukaran dalam pembelajaran, malah merupakan asas dalam merancang pendekatan PdPC. Wu Zhong Hao et al.(2009)¹¹ menyatakan bahawa pelbagai kaedah mengenali aksara Cina mempunyai ciri masing-masing dan memberi kesan dalam proses PdPC mengenali aksara Cina. Wang Yi Jie (2013)⁸ pula menyatakan dalam amalan PdPC, guru boleh mengaplikasikan pelbagai kaedah dalam proses PdPC mengenali aksara Cina. Oleh itu, penggunaan kaedah tertentu dalam PdPC mengenali aksara Cina haruslah berlandaskan kepada ciri-ciri aksara Cina berkenaan dan bukannya penggunaan kaedah yang tunggal sahaja bagi memastikan keberkesan PdPC mengenali aksara Cina.

Dapatan kajian mendapati sememangnya murid dan guru menghadapi masalah dalam PdPC mengenali aksara Cina. Masalah pembelajaran murid dan pemudahcaraan guru ini haruslah dipandang serius dan diambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin supaya masalah berkenaan tidak berlanjutan sehingga menganggu pembelajaran murid tahap satu pada peringkat atau tahap seterusnya. Mengenali aksara Cina merangkumi mengenali bentuk, sebutan dan makna aksara Cina. Wu Zhong Hao et al. (2009)¹¹ menyatakan bahawa setiap aksara Cina mempunyai bentuk yang berbeza, struktur bentuk aksara Cina kompleks dan bilangan aksara Cina banyak. Ini menyebabkan murid sukar untuk mengingati bentuk setiap aksara Cina. Dong Bei Fei (2006)¹⁴ pula menyatakan bahawa makna aksara Cina terbahagi kepada dua iaitu satu aksara satu makna dan satu aksara mempunyai banyak makna. Selain itu, aksara Cina juga terbahagi kepada dua iaitu

mempunyai makna yang konkret dan mempunyai makna yang abstrak. Kerumitan dalam makna aksara Cina telah menyukarkan proses pembelajaran murid tahap satu. Bahagian Pembangunan Kurikulum(2015, p. 36)¹ menyatakan PdPC ejaan dalam DSKP telah dinyatakan dengan jelas bahawa “Objektif PdPC ejaan adalah sebagai alat fonetik untuk membolehkan murid menguasai Bahasa Cina; guru harus menfokuskan PdPC dalam membezakan aksara Cina dan menerangkan makna aksara Cina supaya murid-murid dapat mengecam bentuk aksara Cina dengan betul dan memahami makna aksara Cina”. Jelas menampakkan PdPC sebutan aksara Cina bukan fokus utama dalam mengenali aksara Cina sebaliknya sebagai alat untuk membantu murid mengenali aksara Cina sahaja. Ia menfokuskan pada mengenali bentuk dan makna aksara Cina. Justeru, kajian ini hanya menfokuskan kepada keupayaan murid tahap satu untuk mengenali bentuk dan makna aksara Cina sahaja.

Kajian-kajian berkenaan PdPC mengenali aksara Cina khasnya mengenali bentuk dan makna aksara Cina harus dititikberatkan dan dipergiatkan tanpa melengangkan masa lagi.

Kajian-kajian lepas yang ditinjau telah memberi cadangan-cadangan yang bernas dalam penyelesaian masalah mengenali aksara Cina. Antaranya, Li Ru (2011)¹⁵ mencadangkan agar PdPC mengenali aksara Cina tahap satu harus berfokus kepada bentuk dan makna aksara Cina. Beliau berasa pembelajaran aksara piktografi dan aksara terdiri daripada dua atau lebih unsur yang mempunyai makna masing-masing lebih mudah diingati melalui bentuk dan makna daripada bentuk dan sebutan. Jika mengenali aksara Cina melalui bentuk dan sebutan, setiap aksara piktografi dan aksara terdiri daripada dua atau lebih unsur yang mempunyai makna masing-masing dalam mata murid hanyalah simbol yang abstrak, mengingati sebutan aksara Cina melalui simbol yang abstrak, tambahan pula dengan aksara Cina yang mempunyai sebutan yang sama akan menyukarkan lagi murid mengenali aksara Cina. Beliau mencadangkan supaya menggunakan kaedah mengenali aksara Cina berteraskan atas pembentukan untuk membantu murid membezakan aksara Cina yang hampir serupa; menggunakan kaedah mengenali aksara Cina secara berpusat untuk membantu murid membezakan aksara piktofonetik aksara yang hampir serupa.

Liu Meng (2017)⁴ mencadangkan agar PdPC harus bersesuaian dengan ciri-ciri psikologi kanak-kanak dengan penggunaan kaedah PdPC yang berbentuk audiovisual. Guru harus menghubungkaitkan aksara Cina baru dipelajari dengan aksara Cina yang telah dipelajari supaya murid boleh mempelajari aksara baru berdasarkan struktur aksara Cina yang dipelajari sebelumnya. Guru juga boleh membentuk suasana PdPC yang bersesuaian dengan konteks atau kandungan pelajaran untuk memupuk minat belajar murid. Pembelajaran koperatif merupakan kaedah yang memenuhi kehendak standard kurikulum. Murid boleh belajar sesama sendiri dalam kumpulan melalui perbincangan supaya minda murid boleh bercapah. Guru perlu menyampaikan semangat kebudayaan manusia dan nilaiann kesusilaan disebalik aksara Cina supaya murid bukan sahaja mengenali aksara Cina malah mengenali budaya tradisionalnya sendiri.

Ma Die dan Zhang Chen Rui (2018)¹⁰ mencadangkan agar menerokai budaya aksara Cina supaya dapat meningkatkan kesan aktiviti mengenali aksara Cina, mengaplikasikan pelbagai kaedah PdPC aktiviti mengenali aksara Cina supaya dapat meningkatkan minat pembelajaran murid dan pengaturan waktu PdPC mengenali aksara Cina yang rasional serta memberi bimbingan yang sewajar kepada murid dalam aktiviti mengenali aksara Cina.

Su Wen (2017)⁹ mencadangkan supaya guru perlu mengajar berdasarkan tahap kognitif murid; integrasi kaedah PdPC mengenali aksara Cina supaya meningkatkan minat murid untuk

mengenali aksara Cina; menggalakkan murid menggunakan sumber sedia ada untuk pembelajaran kendiri; menghubungkaitkan PdPC mengenali aksara Cina dengan kehidupan seharian. Zhang Xiao Lin (2018)¹⁶ pula mencadangkan supaya mewujudkan suasana atau konteks yang sesuai untuk memupuk minat pembelajaran murid dan mewujudkan persekitaran bahasa yang memberangsangkan. Kenyataan ini disokong oleh Zhou Da Peng (2017)¹⁷ yang mencadangkan guru agar mewujudkan suasana PdPC yang konduksif berasaskan pembelajaran kontekstual.

Chen Li Quan (2013)¹⁸ pula mencadangkan agar PdPC mengenali aksara Cina haruslah mempunyai unsur menarik, pembelajaran kendiri dan menghubungkaitkan kehidupan sebenar untuk memupuk minat pembelajaran. Cadangan Li Ping (2008)¹⁹ supaya menggunakan strategi cerita, lagu kanak-kanak dan permainan dalam mempelbagaikan cara pembelajaran aksara Cina supaya murid gembira untuk belajar. Kedua-duanya menitikberatkan unsur keseronokan sebagai langkah untuk menarik perhatian dan minat murid dalam pembelajaran.

Cadangan-cadangan kajian lepas dalam menyelesaikan masalah mengenali aksara Cina telah memberi petunjuk dalam pelaksanaan kajian lanjutan. Pengkaji akan menjadikan cadangan-cadangan kajian lepas yang bersesuaian dengan isu dan masalah kajian sebagai panduan dengan tujuan masalah mengenali aksara Cina dalam kalangan murid tahap satu dapat diselesaikan secepat mungkin.

Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan kepada permasalahan yang wujud di kalangan murid dan guru, maka adalah perlu kajian lanjutan dijalankan berkenaan dengan pembelajaran murid dan pemudahcaraan guru dalam PdPC mengenali aksara Cina. Pelbagai kajian berkaitan dengan mengenali aksara Cina telah dilaksanakan. Akan tetapi, kajian-kajian lepas hanya bertumpu mengenai keberkesanan PdPC mengenali aksara Cina, perbandingan antara bahan pemudahcaraan aksara Cina, kesaintifikan PdPC mengenali aksara Cina dan aturan bilangan, jenis, urutan dan penggunaan aksara Cina, jarang-jarang ada kajian berkaitan dengan pembangunan modul pemudahcaraan mengenali aksara Cina. Justeru, kajian pembangunan modul pemudahcaraan mengenali aksara Cina amat relevan dengan keperluan semasa dalam membantu meningkatkan kemahiran mengenali aksara Cina murid tahun satu. Kajian lanjutan berkaitan dengan pembangunan modul mengenali aksara Cina, aturan pembelajaran aksara Cina dalam buku teks secara sistematik dan saintifik, kesedaran mengutamakan fokus PdPC mengenali aksara Cina, penggunaan kaedah yang bersesuaian dengan ciri-ciri aksara Cina sangat diperlukan tetapi kurang mendapat perhatian daripada para penyelidik dan ahli-ahli akademik. Maka adalah wajar untuk menabur tenaga kajian dalam bidang mengenali aksara bahasa Cina demi kepentingan kemahiran ini dalam pembelajaran Bahasa Cina khasnya dalam aspek kemahiran membaca dan menulis serta mengarang.

Rujukan:

1. Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Kurikulum Standard Sekolah Rendah - Bahasa Cina tahun satu sekolah jenis kebangsaan Cina*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Niu Xiu Hong & Liu Tie Fu. (2014). Penggabungan kaedah mengenali aksara Cina secara berasingan dan kaedah mengenali aksara Cina secara berpusat. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 22, 77.
3. Tian Ben Na. (2006). *Dua harapan saya* (p. 63). Beijing: Penerbit Industri Ringan China.
4. Liu Meng. (2017). *A study on the effectiveness of literacy teaching in primary school* (Master's thesis). Liaocheng: Liaocheng University.
5. Sun Cong. (2012). *Study on the rationality of the distribution of words in words teaching in the low level literacy teaching materials* (Master's thesis). Jiangxi: Gannan Normal University.
6. Tian Ben Na. (1990). *Ensiklopedia pembelajaran dan pemudahcaraan di sekolah rendah*, 29. Tianjin: Penerbit Tianjin Normal Universiti.
7. Lui Lep Ming. (2016). *Study on The Standard-Based Chinese Language Curriculum (2011 Edition) for Malaysian Chinese Primary School* (Master's thesis). Central China Normal University, China.
8. Wang Yi Jie. (2013). *Comparison of teaching method between Malaysia and China Primary Chinese Language - standard one as research subject* (Master's thesis). Soochow: Soochow University.
9. Su Wen. (2017). Kajian tentang keadaan semasa pembelajaran dan pemudahcaraan mengenali aksara Cina di sekolah rendah dan strategi menanganinya. *Read and Write Periodical*, 14(12), 132.
doi: 10.16071/j.cnki.cn51-1650/g4.2017.12.115
10. Ma Die & Zhang Chen Rui. (2018). Kajian tentang permasalahan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan mengenali aksara Cina di sekolah rendah dan strategi menanganinya. *Jurnal Asas Pendidikan*, 216-217. doi: 10.16681/j.cnki.wcqe.201813133
11. Wu Zhong Hao, Ding Wei, Yu Long, Xing Chang Zheng, Lu Ping, Du Hong, Niu Xiao Jing, Lin Xia & Shen Yan. (2009). 60 tahun pembaharuan pembelajaran literasi sekolah rendah China (Kajian di bawah geran 60 tahun pembaharuan pembelajaran bahasa Cina sekolah rendah China). *Buletin Pengajaran Bahasa Cina*.
12. Dong Zhao Jie. (2006). Kajian teori dan amalan mengenali aksara Cina berfrekuensi tinggi, 360-364. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Mengenali Aksara Cina Kali Ke-2*.
13. Lu Bi Song. (2006). *Ciri-ciri bahasa Cina dan pendekatan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Cina*. Beijing: Penerbit Universiti Bahasa dan Budaya Beijing.
14. Dong Bei Fei. (2006). *Psikologi pendidikan bahasa*, 131-132. Shanghai: Penerbit Pendidikan Shanghai.
15. Li Ru. (2011). *Primary school language teaching vocabulary list for Jiangsu integration and explore effective literacy teaching* (Master's thesis). Inner Mongolia: Inner Mongolia Normal University.
16. Zhang Xiao Lin. (2018). Tinjauan tentang keadaan semasa pembelajaran dan pemudahcaraan mengenali aksara Cina di sekolah rendah dan strategi menanganinya. *Jurnal Pendidikan Luar Sekolah China*, 8, 75.

17. Zhou Da Peng. (2017). Keadaan semasa pembelajaran dan pemudahcaraan mengenali aksara Cina di sekolah rendah dan strategi perlaksanaan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 22, 85.
18. Chen Li Quan. (2013). Isu dan strategi pembelajaran dan pemudahcaraan mengenali aksara Cina tahap satu sekolah rendah. *Jurnal Inovasi Pendidikan China*, 12, 11.
19. Li Ping. (2008). *Kajian keseronokan pembelajaran dan pemudahcaraan mengenali aksara Cina tahap satu sekolah rendah* (Tesis Sarjana). Nanjing: Nanjing Normal Universiti.